

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9333

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada apa-apa tindakan disiplin diambil ke atas anggota polis berkenaan apa-apa kematian dalam tahanan polis atau kes kematian disebabkan tembakan oleh polis dalam tempoh 2005 hingga 2016 dengan butiran terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai dan anggota polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan atau atas sebab kecuaiian yang menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan atau melaksanakan operasi. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian akan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya oleh Kementerian sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik tindakan yang telah diambil terhadap pegawai dan anggota polis yang menggunakan kekerasan menyebabkan kematian dalam tahanan polis bagi tahun 2005 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

TAHUN	SEBAB DIAMBIL TINDAKAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL
2009	Menyebabkan kematian tahanan dalam lokap di Balai Polis Taipan, Subang Jaya, Selangor pada 20 Januari 2009	Suspek telah dijatuhkan hukuman penjara selama 3 tahun setiap pertuduhan
2013	Menyebabkan kematian tahanan di lokap JSJ , Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur pada 21 Mei 2013	Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan membebaskan semua tertuduh

Statistik tindakan yang telah diambil terhadap pegawai dan anggota polis yang melepaskan tembakan secara cuai atau yang

menyebabkan kecederaan atau kematian kepada orang awam bagi tahun 2005 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

TAHUN	SEBAB DIAMBIL TINDAKAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL
2006	Seorang anggota polis bersama dua saspek lain dituduh membunuh di ladang Kaledonia, Batu arang, Selangor	Dituduh di bawah seksyen 302 KK pada 3 Feb 2006 dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Mahkamah Rayuan pada 27 Julai 2016 mengekalkan hukuman asal.
2010	Menyebabkan kematian kepada seorang remaja oleh seorang anggota MPV di Shah Alam, selangor	Dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 10 Mei 2010. Mahkamah Tinggi membebaskan saspek pada 5 Disember 2012
2015	Menyebabkan kematian kepada seorang pemuda yang disyaki cuba meragut di tepi jalan guar nenas, Gurun, Kedah pada 4 Mac 2015	Dituduh di Mahkamah Sesyen Gurun pada 22 Mei 2015